



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SKYAWANI 3 MENYEDIAKAN 1,905 UNIT RESIDENSI WILAYAH KELUARGA MALAYSIA**

**KUALA LUMPUR, 29 NOVEMBER 2021 –** Program Residensi Keluarga Malaysia diteruskan lagi dengan pembinaan 1,905 unit rumah mampu milik di Projek SkyAwani 3, Sentul, WP Kuala Lumpur. Projek yang dibina dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan SkyWorld ini dibangunkan di atas tanah berkeluasan 4.45 ekar di lokasi yang strategik dalam pusat bandar. Unit kediaman yang berkeluasan lantai 800 kaki persegi yang dijual dengan harga RM300,000 seunit dan telah berjaya dijual sepenuhnya pada Jun 2019 yang lalu.

Pembangunan Residensi SkyAwani 3 ini yang telah mencapai tahap siap *super structure* sepenuhnya mengikut piawaian Pentaksiran Kualiti Dalam Sistem Pembinaan (QLASSIC) daripada CIDB. Ini bagi memastikan aspek kualiti binaan diberi penekanan dan turut dilengkapi dengan kemudahan bertaraf kondominium. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun hadapan.

Sehingga kini, sebanyak 62,836 unit rumah yang melibatkan 102 projek Residensi Wilayah Keluarga Malaysia telah mendapat kelulusan untuk pembinaan di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 95 projek adalah di Kuala Lumpur, 3 projek di Putrajaya dan 4 projek di Labuan.

Kementerian percaya melalui kerjasama dua hala bersama pihak swasta, sasaran untuk membangunakan lebih banyak Residensi Wilayah Keluarga Malaysia di Wilayah Persekutuan mampu dicapai. Justeru, pihak kerajaan akan terus komited dalam menyediakan kemudahan serta persekitaran yang kondusif untuk memastikan kesejahteraan sosial dan keselesaan kehidupan rakyat sentiasa diutamakan sebagai salah satu obligasi sosial kepada warga Wilayah Persekutuan selari dengan matlamat ‘Our City Our Home’.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
29 November 2021**